



1100089073

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu.

LP 31 FPE 2 2009



1100089073

Analisis corak perbelanjaan pengguna di kawasan bandar / Muhammad Izwan Effendi.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU**

**1100089073**

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAR NOR ZAHROH

**ANALISIS CORAK PERBELANJAAN PENGGUNA DI  
KAWASAN BANDAR**

**MUHAMMAD IZWAN BIN EFFENDI  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2009**

## **PENGAKUAN**

Saya akui Kertas Projek (EKN 4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya.

21 APRIL 2009

---

**MUHAMMAD IZWAN BIN EFENDI  
(UK 13213)**

## **DECLARATION**

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4998/4999) is the result of my own investigation and findings accept where otherwise stated.

21 APRIL 2009

---

**MUHAMMAD IZWAN BIN EFENDI  
UK 13213**

## **PENGHARGAAN**

Di ruangan ini, saya ingin memanjatkan rasa syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat juga saya menyiapkan kertas kerja ini dengan penuh jaya. Saya juga ingin menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kertas projek saya, Encik Akbar Ali bin Abd Kadir di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan di dalam menyiapkan kertas projek ini. Saya amat menghormati segala kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh beliau sepanjang tempoh yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya.

Keistimewaan dan penghargaan ini juga turut ditujukan khas kepada keluarga tercinta terutama sekali arwah ayahanda; Allahyarham Effendi bin Adam, bonda; Khariah binti Yang Alias, adik-beradik sekalian; Nur Azureen binti Effendi dan Muhammad Izzuddin bin Effendi yang begitu mengambil berat dan banyak memberi sokongan dan dorongan yang sepenuhnya kepada diri saya di atas segala apa yang telah saya usahakan.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan saya yang telah banyak membantu dan turut sama menyumbangkan idea, masa dan tenaga dalam usaha saya menyiapkan kertas projek ini.

Akhir kata dari saya, sejuta penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Jasa baik anda akan tetap saya kenang..

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah untuk membuat analisis corak perbelanjaan pengguna di kawasan bandar. Perbelanjaan merupakan kesanggupan dan keinginan pengguna memperuntukkan pendapatan mereka terhadap barang dan perkhidmatan mengikut keperluan dan kehendak mereka untuk memaksimumkan utiliti dan kepuasannya. Perbelanjaan isi rumah juga merupakan salah satu komponen dalam menentukan keseimbangan pendapatan negara. Corak perbelanjaan adalah berbeza bagi setiap individu di mana kemampuan, gaya hidup dan budaya setiap individu adalah berbeza. Hasil kajian menunjukkan pengguna di kawasan bandar paling banyak berbelanja ke atas kategori barang makanan bagi perbelanjaan bulanan dan pendidikan bagi perbelanjaan tahunan. Makanan merupakan barang mesti dalam ekonomi dan pendidikan pula adalah penting dalam menentukan taraf hidup pada masa hadapan. Model yang dibina akan menerangkan hubungan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar dalam fungsi matematik. Kajian ini juga mendapati pembolehubah tingkat pendapatan bulanan sangat mempengaruhi jumlah perbelanjaan pengguna di kawasan bandar. Secara keseluruhan, nilai  $R^2$  dalam analisis ini adalah 0.597 yang menunjukkan pembolehubah-pembolehubah bebas dapat mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu jumlah perbelanjaan secara keseluruhan. Kajian ini juga mencadangkan beberapa strategi untuk digunakan oleh penggubal dasar bagi merangka pelbagai dasar serta program bagi mencapai matlamat untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi negara.